

Dr Mahathir diserbu selepas solat Jumaat

BH 01/11/2003 - 4 PRECISE

PUTRAJAYA: Ribuan orang termasuk kakitangan kerajaan berasak-asak untuk bersalam buat kali terakhir dengan Tun Dr Mahathir Mohamad, sebelum beliau melepaskan jawatan Perdana Menteri sebaik selesai solat Jumaat di Masjid Putra di sini, semalam.

Dr Mahathir yang memakai sut kelabu, tidak menghampakan hasrat orang ramai walaupun cuaca panas serta keadaan tidak selesa akibat asakan orang ramai selama kira-kira 15 minit, bermula jam 1.35 tengah hari.

Orang ramai berasak-asak dan 'bermandi peluh' dari tengah masjid hingga ke pintu kereta di pintu masuk utama masjid sejauh kira-kira 50 meter untuk bersalam dengan Perdana Menteri.

Tindakan orang ramai yang berpusu-pusu dan berasak-asak menyerbu Perdana Menteri, memaksa pengawal peribadinya membuat halangan bagi mengelak keadaan menjadi tidak terkawal. Ini menyebabkan ramai yang tidak dapat bersalam dengan Perdana Menteri.

Selain gelagat orang ramai yang tidak mahu melepaskan peluang bersalam dengan Dr Mahathir, jurugambar pula turut berasak-berasak untuk mengambil gambar Perdana Menteri yang sentiasa tersenyum kepada orang ramai.

Untuk memastikan mendapat gambar yang terbaik, ada jurugambar sanggup membawa tangga dan memanjat pagar pintu masjid.

Perdana Menteri turut melambailambakan tangan sambil senyum kepada orang ramai yang tidak dapat bersalaman dengannya sebaik memasuki kereta yang bergerak perlahan-lahan meninggalkan masjid.

Terdahulu, Dr Mahathir tiba di pe-



DR MAHATHIR bersalam dengan orang ramai selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Putra, Putrajaya, semalam. - Gambar oleh Zulkepli Osman

karangan Masjid Putra kira-kira jam 1.15 tengah hari. Sebaik tiba, Perdana Menteri diserbu beberapa pelajar dan orang ramai termasuk wanita yang mahu bersalam tetapi beliau terpaksa mengelak terbatal air sembahyang.

Sebelum itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tiba di masjid kira-kira jam 1 tengah hari.

Sebaik tiba, orang ramai juga tidak melepaskan peluang untuk bersalam dengannya termasuk seorang kanakkanak lelaki berusia empat tahun, Mohd Zahid Mohd Noor. Dia ditemani bapanya, Mohd Noor Alias dan ibu, Zyda Kasim.

DR MAHATHIR melambai kepada orang ramai sebelum meninggalkan pejabat Perdana Menteri di Putrajaya, semalam. - Gambar oleh Hadzme Jaafar

